



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 50/2016 dari 11 hingga 17 Disember 2016)

Hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari Januari hingga 17 Disember 2016, jumlah kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 98,438 kes iaitu penurunan sebanyak 15.1% (17,444 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2015 yang telah dilaporkan sebanyak 115,882 kes. Pada minggu ke-50 tahun 2016, iaitu dari 11 Disember hingga 17 Disember 2016, sebanyak 1,397 kes telah dilaporkan berbanding 1,376 kes pada minggu sebelumnya iaitu berlaku peningkatan sebanyak 21 kes (1.5%). Terdapat tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor, Johor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Sarawak dan Sabah.

Terdapat satu (1) kematian yang dilaporkan pada minggu ke-50 dan ini menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 17 Disember 2016 adalah sebanyak 230 kematian berbanding 312 kematian pada tahun 2015 iaitu pengurangan sebanyak 82 kematian (26.3%).

Berdasarkan pemantauan lokaliti wabak dan hotspot, terdapat peningkatan bilangan lokaliti pada minggu ke-50 berbanding minggu sebelumnya. Pada minggu ke-50, terdapat 434 lokaliti wabak berbanding 417 lokaliti wabak pada minggu sebelumnya dan 53 lokaliti hotspot berbanding 48 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Lokaliti hotspot semasa adalah di Selangor (41 lokaliti), Perak (5 lokaliti), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (3 lokaliti), Johor (2 lokaliti) dan masing-masing satu (1 lokaliti) di Negeri Sembilan dan Kelantan.

Memandangkan akan berlaku masalah bekalan air terutama di kawasan Lembah Klang, orang ramai akan mula menyimpan air di dalam bekas seperti baldi dan kolah di rumah masing-masing. Oleh demikian, orang ramai dinasihatkan menyimpan air di dalam bekas yang bertutup rapat atau menabur bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam bekas berkenaan. Ini kerana bekas tersebut mempunyai potensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. KKM juga menyarankan pihak masyarakat untuk membersihkan kawasan di dalam dan di luar rumah serta meluangkan masa setiap minggu untuk melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 15 Disember 2016, terdapat sebanyak 75 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika. Bagi situasi di Malaysia pula, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif Zika yang telah dilaporkan dari 1 September 2016 sehingga 17 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 17 Disember 2016, mendapati keputusan ujian bagi 1,688 sampel darah dan air kencing yang telah diuji daripada pesakit yang menunjukkan gejala virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

22 Disember 2016

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 50/2016
(11 Disember hingga 17 Disember 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 50/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 50/2015	
		Minggu 50 (11 Dis – 17 Dis 2016)		Minggu 49 (4 Dis – 10 Dis 2016)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	1	0	179	3	244	1
2	Kedah	15	0	18	0	957	4	953	14
3	P. Pinang	40	0	29	0	2,498	12	5,562	19
4	Perak	74	0	77	0	3,623	10	9,222	24
5	Selangor	654	1	593	1	50,157	77	60,711	121
6	WP KL & Putrajaya	96	0	144	2	8,421	21	8,040	34
7	N. Sembilan	38	0	86	0	2,731	24	2,348	15
8	Melaka	49	0	39	0	2,216	7	2,302	7
9	Johor	125	0	86	0	10,457	22	15,008	42
10	Pahang	66	0	56	1	2,955	10	2,859	14
11	Terengganu	5	0	14	1	1,991	20	1,316	4
12	Kelantan	124	0	127	1	5,993	11	2,730	7
13	Sarawak	49	0	46	0	2,688	7	1,870	3
14	Sabah	62	0	60	0	3,559	2	2,715	7
15	WP Labuan	0	0	0	0	13	0	2	0
	MALAYSIA	1,397	1	1,376	6	98,438	230	115,882	312

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 17 DISEMBER 2016 (Mg 50)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	43	137
2	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	36	118
3	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	30	95
4	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	28	85
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	62	83
6	SELANGOR	Gombak	Appt Berembang Indah	24	78
7	SELANGOR	Gombak	Kepong Ulu	22	73
8	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Sri Manja Court (Jln Pjs 3/44)	32	68
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Pangsapuri Alam Prima)	32	67
10	SELANGOR	Gombak	Condo Laksamana Puri	19	64
11	SELANGOR	Petaling	Ss 15/5 (Teres)	20	61
12	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak	8	59
13	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	20	53
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Apt Alam Sanjung)	17	52
15	SELANGOR	Sepang	Taman Ixora	9	52
16	SELANGOR	Petaling	Du Ss 25 (2)	9	51
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	19	50
18	SELANGOR	Gombak	Tmn Jati	7	48
19	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 4	10	47
20	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	8	47

21	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Seri Pelangi : Blok 1 - 3 & Rmh Pangsa Seri Murni Blok 4)	13	47
22	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	9	45
23	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Teratai Taman Sutera	43	45
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	7	45
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat B : Blok 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20)	17	44
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Kaw Perindustrian A : Jln 22/1-22/4)	7	43
27	WPKL	Titivangsa	Ppr Cochrane Perkasa	15	42
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai Utama)	11	41
29	WPKL	Cheras	Apartment Desa Tun Razak	11	41
30	WPKL	Titivangsa	Jalan Temerloh (Kolej Tun Syed Nasir)	13	41
31	SELANGOR	Gombak	Aman Siara	7	40
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	12	40
33	SELANGOR	Sepang	Taman Anggerik	11	40
34	SELANGOR	Petaling	Usj 9/5	12	40
35	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 2	6	39
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang C : Blok Equatorial,Hilton,Samudera & Merlin)	15	38
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2)	38	38
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	19	37
39	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Metropolitan Square Condo	7	36
40	SELANGOR	Klang	Off Jln Tepi Sungai (Jln Selar)	15	35
41	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Durian	9	34
42	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	7	33

43	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Puteri Subang : Jln U5/118-U5/121b, Jln U5/Ac,U5/Ad&U5/Ae)	6	33
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	7	33
45	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Idaman Fasa 2 : Blok D,E,F,G,O,P,Q,R,S	4	33
46	KELANTAN	Kota Bharu	Tanjong Chat 2	12	33
47	PERAK	Kampar	K/B Mbg Diawan	5	32
48	PERAK	Kinta	Tmn Ipoh Jaya	11	32
49	PERAK	Kinta	Tmn Pengkalan Jaya	26	32
50	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Mutiara Subang Kaw Perindustrian B : Jln U5/10, Jln U5/19 - U5/30)	5	32
51	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Indah Kondo	5	32
52	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Indah_Jln Pulai Indah /7	5	32
53	PERAK	Batang Padang	Tmn Kuning Mas	16	31